



LOW KEE NAM (berdiri, empat dari kanan) bersama pihak pengurusan Avillion Legacy dan penghuni rumah jagaan warga tua sempena lawatan ke Pusat Warga Tua Kenangan di Taman Seri Serindit, Melaka, kelmarin.

Avillion raikan 19 warga emas

MELAKA 16 Feb. - Sebagai usaha berkongsi kegembiraan dan meraikan golongan warga emas sempena Tahun Baharu Cina, Avillion Legacy Melaka mengambil inisiatif mengadakan lawatan serta beramah mesra dengan penghuni Pusat Warga Tua Kenangan, Taman Seri Serindit di sini.

Pengurus Besar Avillion Legacy Melaka, Low Kee Nam berkata, program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang diadakan saban tahun bermula 10 tahun lalu itu bertujuan untuk menceriakan golongan warga tua tersebut selain membantu mengukir senyuman di wajah mereka.

Menurutnya, Avillion Legacy Melaka memilih untuk mengada-

kan kunjungan mesra di rumah jagaan orang-orang tua berkenaan memandangkan tidak banyak pihak luar yang datang menziarahi serta melawat warga emas di rumah tersebut.

"Program CSR sempena Tahun Baharu Cina ini diadakan secara tahunan namun memilih lokasi berbeza dengan pengisian berbeza saban tahun dan kali ini kita memilih rumah jagaan warga tua.

"Kunjungan mesra ini diharapkan dapat menceriakan mereka dalam suasana perayaan di mana kebanyakan daripada penghuni rumah tersebut telah uzur dan mengidapi pelbagai penyakit kronik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas

mengadakan kunjungan ke Pusat Warga Tua Kenangan, Taman Seri Serindit, di sini, semalam.

Yang hadir sama Pengurus Pusat Warga Tua Kenangan, Agnes Tay serta kakitangan dan pihak pengurusan Avillion Legacy Melaka.

Sempena program itu, kesemua 18 penghuni rumah jagaan warga tua tersebut menerima sumbangan berupa barangan keperluan harian, limau mandarin dan juga angpau daripada pihak Avillion.

Sementara itu Agnes memberitahu, rumah jagaan tersebut telah beroperasi sejak 20 tahun lalu menempatkan warga emas kaum Cina dari seluruh negeri yang kebanyakannya telah uzur dan mempunyai penyakit.

Katanya, terdapat sebanyak 18 penghuni rumah jagaan ini terbahagi kepada 14 wanita dan empat lelaki yang dijaga penuh di sini sepanjang hari dibantu empat pekerja.

"Kebanyakan daripada mereka mempunyai penyakit seperti darah tinggi, angin ahmar dan uzur yang berumur antara 56 hingga 90 tahun serta memerlukan penjagaan rapi daripada pihak pengurusan," tambahnya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan bantuan kepada Pusat Warga Tua Kenangan ini boleh berbuat demikian dengan datang ke alamat 410 Jalan Seri Serindit, Lorong 6, Taman Seri Serindit, Melaka.